

Undian Anugerah Ikon Varsiti BH bermula

Kuala Lumpur: Undian memilih Ikon Varsiti BH 2012 kini dibuka apabila tiga calon akhir bagi 14 kategori anugerah berkenaan diumumkan di Balai Berita The New Straits Times Press (NSTP) di sini, kelmarin.

Anugerah yang julung kali dianjurkan BH mene-

rusi Varsiti, sisipan khusus untuk penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) itu menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM62,000 dan pemenang bakal diumumkan pada Januari kelak.

Orang ramai khususnya penuntut IPT dijemput

untuk mengundi calon pilihan masing-masing bagi setiap kategori dan 20 individu yang menghantar penyertaan terbanyak berpeluang memenangi wang tunai RM500.

Varsiti 3



Ikon Varsiti BH iktiraf penuntut IPT

dinilai melalui jumlah undian dalam akhbar BH atau secara talian di laman sesawang www.bharian.com.my/ikonvarsiti," katanya ketika ditemui dalam majlis pengumuman calon akhir Ikon Varsiti BH, terabit.

Pengumuman berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Mahfar Ali.

Turut hadir ialah Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Prof Madya Mohd Izani Mohd Zain; Pengerus Besar Pemasaran The New Straits Times Press (NSTP) (Malaysia) Berhad, Putri Shireen Syed Othman dan Ketua Unit Pembangunan Perniagaan, Jabatan Pengedaran NSTP, Salmah Hanim Hares.

Hadiah ditawarkan

Sembilan peserta akhir yang mewakili UiTM ialah Shafiq Mansor daripada kategori Kepimpinan, Nurul Alia Noordin; Muhamad Nor Syafik Yahya (Penyelidikan Sains inovasi); Muhammad Qhawarizmi Norhisham; Yasmin Abdul Rahman; Mohd Reduan Abidin (Seni Bina Bangunan kreativiti); Akmal Afiq Farhan Samsudin (Fesyen Kreativiti); Wan Akma Hazami Mohd Nasir (Sukarelawan) dan Azizul Ridhuan Wahid (Keusahawanan).

Anugerah Ikon Varsiti BH menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM62,000. Juara kategori individu menerima wang tunai RM2,000 dan trofi, manakala dua pemenang sugu hati menerima RM300 setiap seorang.

Kategori Berkumpulan pula, juara menerima wang tunai RM5,000 dan trofi, manakala sugu hati menerima wang tunai RM2,000 setiap kumpulan.

20 pembaca BH juga berpeluang memenangi hadiah wang tunai RM500 dengan menghantar penyertaan terbanyak.

SELEPAS INI,
PESERTA AKAN
DINILAI MELALUI
JUMLAH UNDIAN
DALAM AKHBAR
BH ATAU
SECARA TALIAN
DI LAMAN
SESAWANG
WWW.BHARIAN.COM.MY/IKONVARSITI

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bharian.com.my

↳ Kuala Lumpur

Universiti Teknologi MARA (UiTM) unggul apabila mendominasi senarai calon akhir bagi kategori individu Anugerah Ikon Varsiti BH yang diumumkan di Balai Berita, kelmarin.

Sembilan pelajar mewakili cawangan UiTM masing-masing berjaya melayakkan diri sebagai antara tiga calon akhir Ikon Varsiti BH mengikut kategori dipertandingkan walaupun mendapat

saingan sengit daripada calon institusi pengajian tinggi lain.

Pengarang Pendidikan BH, Muhd Yusuf Abu Bakar, berkata 147 penyertaan bermutu diterima bagi 14 anugerah dipertandingkan dalam pertandingan yang julung kali dianjurkan itu.

"Dua kategori dipertandingkan dan pihak penganjur memilih tiga calon akhir individu serta berkumpulan untuk setiap kategori yang menepati syarat ditetapkan.

"Untuk edisi sulung, 30 peserta bagi kategori individu dan 12 kumpulan terpilih sekali gus menempatkan diri dalam pusingan akhir. Selepas ini, peserta akan



Mahfar (kiri), Mohd Izani dan Yusuf menyempurnakan gimik memperkenalkan Trofi Ikon Varsiti BH 2012.



Sebahagian daripada peserta bergambar di Balai Berita, NSTP, Bangsar selepas majlis pengumuman Finalis Ikon Varsiti BH 2012, baru-baru ini.

INFO

KATEGORI INDIVIDU

1 Kepimpinan

- ⊙ Syamimi Ab Rahman (UKM)
- ⊙ Wan Ahmad Hazman Wan Daud (UTM)
- ⊙ Shafiq Mansor (UiTM MELAKA)

2 Sukan

- ⊙ Ahmad Nazri Hamzah (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah)
- ⊙ Leong Mun Yee (UPM)
- ⊙ Bryan Nickson AK Lomas (UM)

3 Penyelidikan Sains Inovasi

- ⊙ Nurul Alia Noordin (UiTM Shah Alam)
- ⊙ Abdul Halim Abdullah (UKM)

- ⊙ Muhamad Nor Syafik Yahya (UiTM SHAH ALAM)

4 Seni Reka - Kreativiti

- ⊙ Liu Cheng Hua (UPSI)
- ⊙ Muhammad Zainudin Mohd Nadzri (Kolej Kemahiran Tinggi Rembau)
- ⊙ Nur Farah Atiqah Mohd Supian (Universiti SEGI)

5 Seni Bina Bangunan - Kreativiti

- ⊙ Muhammad Qhazarizmi Norhisham (UiTM Shah Alam)
- ⊙ Yasmin Abdul Rahman (UiTM Shah Alam)
- ⊙ Mohd Reduan Abidin (UiTM Shah Alam)

6 Fesyen - Kreativiti

- ⊙ Mahfuzah Abdul Halim (Kolej Komuniti Gerik)
- ⊙ Akmal Afiq Samsudin (UiTM Shah Alam)
- ⊙ Mohammad Kamil Ayop (GEOMATIKA International College)

7 Sukarelawan

- ⊙ Nur Hidayah Che Anuad (UMT)
- ⊙ Pusparrani A/P Supramaniam (Politeknik Johor Bahru)
- ⊙ Wan Akma Hazami Mohd Nasir (UiTM Shah Alam)

8 Keusahawanan

- ⊙ Nor Suriani Azhar (UNISZA)
- ⊙ Azizul Ridhuan Wahid (UiTM ARAU)
- ⊙ Azwan Affandi Md Jahaya (UMP)

9 Kejuruteraan Inovasi

- ⊙ Muhamad Azree Abd Rahim (Infrastructure University of KL)
- ⊙ Nur Haliza Abdul Wahab (UTM)
- ⊙ Muhammad Md Hanipah (UTM)

10 Teknologi Agro

- ⊙ Lok Chung Yee (UPM)
- ⊙ Mohamad daniel Shafiq (USM)
- ⊙ Ainatul Alia Alias (UNIMAP)

KATEGORI BERKUMPULAN

1 Projek Khidmat Sosial

- ⊙ Dalam Negara
- ⊙ Preparatory Program (UNiTEN)
- ⊙ In-Smartive (UMP)
- ⊙ SIFE UNIKL (MICET-UNIKL)

2 Projek Khidmat Sosial - Luar Negara

- ⊙ Eksplorasi Vietnam (UKM)
- ⊙ One Mission Politeknik (Politeknik Kota Bharu)
- ⊙ Kembara Aceh (Institut Perguruan Kampus Temenggung Ibrahim)

3 Projek Inovasi

- ⊙ KSE Group (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah)
- ⊙ Exo Traveller (International University College of Technology TWINTeCH)
- ⊙ USM Engineers (USM)

4 Seminar/Persidangan

- ⊙ BIOSIS (UMT)
- ⊙ NRIC 2012 (USM)
- ⊙ LIBCOM (Institut Latihan Perindustrian Sandakan)